

21 FEB 1999

Sabah-IPP

ANAK SABAH SERTAI INDUSTRI IPP

KOTA KINABALU, 21 Feb (Bernama) -- Lima Pengeluar Tenaga Persendirian (IPP) kini beroperasi di Sabah bagi mengatasi masalah terputus bekalan dan kekurangan bekalan tenaga yang dahulu sering dihadapi oleh negeri itu.

Tetapi IPP kelima dan terbaru yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sandakan Khamis lalu ialah lain daripada yang lain.

Ini kerana buat pertama kali, ia mempunyai seorang anak Sabah sebagai pemegang saham dalam industri berkenaan.

Abdul Farish Abdul Rashid, 38, yang berasal dari Beaufort, menyifatkan dirinya sebagai perintis dalam industri IPP yang masih baru di negeri ini memandangkan IPP yang lain tidak disertai oleh pengusaha individu tempatan.

" Saya berterima kasih kepada kerajaan pusat kerana menaruh kepercayaan kepada saya untuk menjadi pemegang saham dalam projek berkenaan di Sandakan," kata Farish, pengarah Stratavest Sdn Bhd yang memiliki stesen itu.

Farish tidak lupa terhadap hakikat bahawa kekurangan atau tidak adanya penyertaan anak Sabah dalam projek utama perindustrian termasuk IPP di negeri ini telah dijadikan isu oleh pembangkang pada pilihan raya negeri akan datang.

" Saya berharap penyertaan saya akan membantu melenyapkan dakwaan pihak pembangkang bahawa rakyat Sabah diketepikan dalam industri IPP. Saya percaya jika semuanya kena pada tempatnya, rakyat Sabah berupaya menerokai mana-mana bidang," kata beliau kepada Bernama di sini.

Farish, graduan lulusan bidang perniagaan dari United Kingdom berkata gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku di Pantai Timur Sabah menjadio faktor tentang perlunya stesen IPP didirikan di Sandakan bagi memenuhi permintaan untuk daerah Sandakan dan Lahad Datu.

Stesen itu dengan keupayaan 60 Megawatt itu dijangka dapat memenuhi permintaan di Pantai Timur, yang kini mempunyai lebih 200,000 pengguna, bagi tempoh 10 tahun akan datang.

" Saya menjangka permintaan tidak akan meningkat secara mendadak dan stesen sekarang berupaya untuk memenuhi permintaan. Kejayaan usahasama ini bermakna bahawa IPP boleh didirikan di kawasan lain di Sabah kemudian," kata beliau.

Sebelum menerokai projek IPP, Farish memperolehi kontrak dalam industri minyak dan gas termasuk projek saluran paip di Melaka bagi Petronas.

-- BERNAMA

AU FAZ